



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Accountant General's Department of Malaysia  
NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000  
Faks : 09-516 4931  
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/15 Jld.2 (57)

Tarikh : 17 September 2025

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran  
(Seperti di Lampiran Adan Lampiran B)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT OGOS 2025**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 10.1 Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 tahun 2023**), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan Baki** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Akaun Deposit pada bulan Ogos 2025 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang pada bulan Ogos 2025.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit kepada JANM Pahang dengan kadar segera. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Deposit yang berstatus **TH (Tidak Hantar)** dan **K (Kuiri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Puan Siti Rodziah binti Haron di talian 09-5915026. Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”**

Saya yang menjalankan amanah,

(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang